



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**[SESI TAKLIMAT MENGENAI POTENSI PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN
DI SEKTOR PELANCONGAN]**

1. Sesi Taklimat Kali Ketiga mengenai Potensi Peluang-Peluang Perniagaan di Sektor Pelancongan yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Koperasi (UPK) telah berlangsung pada Hari Khamis, 5 September 2024 di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE).
2. Seramai 78 orang peserta hadir ke sesi taklimat tersebut yang mana terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pihak pengurusan koperasi dan ahli-ahli koperasi yang sedia ada. Taklimat tersebut merupakan salah satu inisiatif UPK dalam usaha bagi menggalakkan koperasi-koperasi untuk menceburi aktiviti perniagaan yang baharu, khususnya di sektor pelancongan.
3. Acara tersebut dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan seterusnya dilanjutkan dengan sesi perkongsian daripada empat (4) buah agensi-agensi berkepentingan iaitu daripada Associations of Travel Agents Brunei; Associations of Hotels; Kunyit 7 Lodge; dan Darussalam Holdings Sdn Bhd dalam memberikan pendekatan terhadap hala tuju, dasar-dasar, garispanduan dan "success story" yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan di bawah sektor pelancongan secara langsung.
4. Program taklimat diakhiri dengan mengadakan lawatan ke Eco-Ponis Garden, Kampong Bang Nukat Lamuni, Daerah Tutong untuk peserta memanfaatkan cara pengurusan operasi perniagaan dan seterusnya membuka minda koperasi-koperasi dalam memperluaskan aktiviti-aktiviti perniagaan di bawah sektor pelancongan pada masa akan datang.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Pembangunan Koperasi

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Emel: info.koperasi@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/UPK/PNT/09-KURSUS

Tarikh: 01 Rabiulawal 1446 / 05 September 2024